




UNIVERSITI
MALAYA




SERVICE LEARNING MALAYSIA
SULAM
UNIVERSITY FOR SOCIETY

PERTANDINGAN

PROJEK SULAM UM 2024

 **PENYERTAAN :**
25 APRIL 2024 - 30 MEI 2024

 **TERBUKA KEPADA SEMUA
PELAJAR UM YANG
MENJALANKAN PROJEK SULAM,
SEMESTER 1 & 2, SESI 2023/2024**

CARA PENYERTAAN

Layari laman web sulam.um.edu.my dan klik Pertandingan Projek SULAM UM 2024.

Muat turun borang penyertaan dan senarai semak mengikut kategori yang dipertandingkan.

Lengkapkan borang penyertaan dan senarai semak, kemudian **emailkan salinan softcopy (templat asal)** kepada En. Fadhli, Pen. Pegawai Tadbir, CITrA melalui emel mohdfadhli@um.edu.my dan cc. kepada citra@um.edu.my selewat-lewatnya pada 30 Mei 2024.

GARIS MASA PERTANDINGAN

25 April 2024 - Pertandingan Dibuka

30 Mei 2024 - Pertandingan Ditutup

4,5,6,7 Jun 2024 - Proses Saringan (Pemilihan 5 projek terbaik)

11 Jun 2024 - Sesi Pembentangan Secara Bersemuka (Pembentangan oleh 5 projek terbaik) & Sesi Penyampaian Hadiah

KATEGORI PERTANDINGAN :

-  **PROJEK SULAM TERBAIK**
-  **ANUGERAH PEMBENTANGAN TERBAIK**

HADIAH PERTANDINGAN :

KATEGORI PEMENANG	PROJEK SULAM TERBAIK
TEMPAT PERTAMA	RM1000, PLAK CENDERAHATI, HAMPER & SIJIL
TEMPAT KEDUA	RM800, PLAK CENDERAHATI, HAMPER & SIJIL
TEMPAT KETIGA	RM600, PLAK CENDERAHATI, HAMPER & SIJIL
SAGUHATI (2 PEMENANG)	RM300, HAMPER & SIJIL
ANUGERAH PEMBENTANGAN TERBAIK	RM400, PLAK CENDERAHATI, HAMPER & SIJIL

OBJEKTIF PERTANDINGAN

- Mengiktiraf pelaksanaan khidmat komuniti yang dijalankan oleh pelajar dan pensyarah bersama orang awam, NGO, industri dan agensi yang berkaitan samaada secara bersemuka ataupun secara atas talian
- Menggalakkan khidmat komuniti kepada orang awam/NGO/Industri dan agensi yang berkaitan secara lebih tersusun di kalangan pelajar
- Melaksanakan pertandingan projek khidmat komuniti yang lebih fleksible samaada secara bersemuka ataupun dalam talian
- Menjadi panduan kepada pelajar dan pensyarah dalam merancang dan menjalankan aktiviti khidmat komuniti yang lebih tersusun dan berimpak tinggi untuk masa akan datang

KRITERIA PROJEK BAGI PERTANDINGAN PROJEK SULAM UM 2024

Bagi maksud pertandingan ini, sesuatu projek SULAM perlu memenuhi kriteria berikut:

- Projek tersebut adalah berasaskan pedagogi service-learning
- Pelajar bertindak sebagai pemberi perkhidmatan yang menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari di dalam kursus akademik untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti yang telah dikenalpasti
- Projek boleh dilaksanakan secara bersemuka ataupun secara atas talian bersama komuniti yang tertentu dengan menggunakan salah satu atau kombinasi daripada pendekatan SULAM berikut:
 - Langsung (Direct: Person to person, face to face service projects)
 - Tidak langsung (Indirect: Working on broad issues, environmental projects)
 - Advokasi (Advocacy: Educating others about topics of public interest)
 - Penyelidikan (Research: Gathering and presenting information on area of interest and need)

SYARAT PENYERTAAN

- Permohonan terbuka kepada semua pelajar Universiti Malaya yang menjalankan projek SULAM Semester 1 & 2, Sesi 2023/2024 sahaja
- Setiap kumpulan adalah terdiri daripada 5 hingga 10 orang pelajar dan seorang pensyarah sebagai penyelia projek
- Pensyarah kursus tersebut berperanan sebagai penasihat/fasilitator kepada kumpulan pelajar terbabit
- Setiap penyertaan perlu bersifat asli (iaitu tiada unsur-unsur plagiat). Penganjur pertandingan berhak untuk menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat pertandingan dan/atau mempunyai maklumat yang tidak benar
- Lima (5) finalis pertandingan yang terpilih diminta untuk membentangkan projek SULAM (secara bersemuka) di hadapan panel penilai yang dilantik oleh pihak CITrA
- Permohonan MESTI diperakukan oleh pemohon (Ketua Kumpulan) dan disahkan oleh pensyarah kursus

KRITERIA PENILAIAN

- Keaslian projek dan/atau idea (20%)
- Kreativiti dan inovasi yang diketengahkan (20%)
- Potensi projek tersebut untuk diteruskan (10%)
- Kolaborasi dengan pihak industri, agensi dan/atau NGO (10%)
- Kesan projek tersebut ke atas pembelajaran pelajar (pengetahuan, kemahiran dan sikap) (20%)
- Manfaat projek tersebut ke atas komuniti yang telah dikenalpasti (20%)

PENGANJUR :

Pusat Latihan *Intern* dan
Pengayaan Akademik
(CITrA)
Universiti Malaya

